



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)
[Info UMK](#)
[Pra-Siswazah](#)
[Pascasiswazah](#)
[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)
[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)
[Fakulti Perubatan Veterinar](#)
[Fakulti Industri Asas Tani](#)
[Fakulti Sains Bumi](#)
[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)
[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ Naib Canselor UMK terima Kad UniDebit Visa daripada Bank Islam Malaysia Berhad

Naib Canselor UMK terima Kad UniDebit Visa daripada Bank Islam Malaysia Berhad



NAIB Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, hari ini, menerima kad pelbagai guna atau dikenali sebagai Kad UniDebit Visa yang merupakan satu lagi identiti baru kepada warga UMK.

Penyerahan kad tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Kota Bharu, YBrs. En. Mohd Supardi Yatim, dalam satu majlis ringkas yang diadakan di pejabat Naib Canselor UMK Kampus Kota, pada 25 Oktober 2012.

UMK menjadi universiti pertama di negara ini yang memperkenalkan Kad UniDebit Visa, iaitu kad pelbagai guna, "semua dalam satu", direka khas untuk warga UMK dengan menggunakan cip tambahan yang tidak terdapat di mana-mana kad debit Visa yang lain di Malaysia.

Kad UniDebit ini memberi kelebihan kepada para pelajar dan juga staf UMK sebagai medium pembayaran dan dapat digunakan sebagai kad pengenalan universiti di mana ia boleh digunakan untuk mengakses ke lokasi-lokasi yang dibenarkan di dalam kampus UMK.

Sementara itu, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad, YBhg. Dato' Sri Zukri Samat dan Prof. Datuk Dr. Raduan akan menyempurnakan majlis pelancaran Kad UniDebit tersebut di Hotel Grand Riverview (GRV), pada 31 Oktober 2012.



Bilangan Pelawat :
297950

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 10/11/2012, 08:50:49.